

26 JUN 2002

AS-M'SIA/I

A.S. SELESA DENGAN PAK LAH, KATA DUTA AS HUHTALA

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Pentadbiran Bush selesa dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai bakal pengganti Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, kata duta AS ke Malaysia, Marie T Huhtala.

Beliau berkata AS turut gembira dengan kepemimpinan Abdullah dan tidak meramalkan sebarang masalah semasa peralihan kuasa sebelum, Oktober tahun depan.

"Abdullah adalah seorang pemimpin yang tabah... kami kenal baik kedua-dua mereka (Mahathir and Abdullah) dan selesa dengan mereka," beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri ceramah jamuan tengah hari mengenai "Mempertingkatkan Perhubungan Perniagaan, Perdagangan dan Pelaburan AS-Malaysia" di sini hari ini. Jamuan tengah hari itu dianjurkan oleh Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM).

Menjawab pertanyaan mengenai rancangan persaraan Dr Mahathir, beliau berkata keputusan itu tidak akan mempunyai sebarang kesan ke atas perhubungan AS-Malaysia dan menjangka ia akan berterusan dengan mantap tanpa mengira perubahan yang mungkin dibuat oleh kerajaan Malaysia.

"Perhubungan antara negara-negara malahan adalah lebih daripada antara individu-individu," katanya.

Huhtala berkata lawatan Dr Mahathir ke White House bulan lalu telah memperkukuhkan perhubungan di antara kedua-dua negara.

Beliau juga berkata tidak akan terdapat sebarang kesan negatif ke atas perhubungan dua halanya semasa tempoh peralihan itu.

"Saya rasa mereka (Mahathir dan Abdullah) adalah amat bertanggung jawab dan mengambil keputusan yang tepat untuk negara ini," katanya.

Mengenai khabar angin yang syarikat-syarikat AS di Malaysia akan menempatkan semula operasi mereka ke China, beliau berkata beliau tidak sedar mengenai sebarang kejadian tertentu.

"Kami tidak akan meninggalkan Malaysia dan saya tidak melihatnya sama sekali. Apa yang berlaku sekarang ialah syarikat-syarikat daripada negara-negara berlainan berpindah ke China dan adalah biasa bagi kami juga berbuat seperti itu," tambahnya. -- BERNAMA

DC SHY OS